

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

SOALAN NO. 84

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah angka dan statistik terkini pengurangan golongan miskin tegar setelah setahun Pakatan Harapan menjadi Kerajaan akan meneliti semula dasar yang sedia ada untuk masyarakat bandar dan desa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, eKasih merupakan Bank Data Kemiskinan Nasional yang mengandungi maklumat mengenai kemiskinan bermula dari profil individu, program/bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) daripada agensi pemberi bantuan sehinggalah kepada permohonan bantuan dan pemantauan keberkesanan program/bantuan yang diterima.
2. Berdasarkan rekod Sistem eKasih oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), pada 31 Mei 2018, seramai 611,865 Ketua Isi Rumah (KIR) telah didaftarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 55,342 isi rumah adalah berstatus miskin tegar manakala 139,716 isi rumah berstatus miskin dan sejumlah 416,807 isi rumah terkeluar daripada kemiskinan.
3. Sehingga 15 Jun 2019, rekod sistem eKasih mencatatkan seramai 642,550 KIR telah didaftarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 52,196 isi rumah adalah berstatus miskin tegar manakala 137,375 isi

rumah berstatus miskin dan sejumlah 452,979 isi rumah terkeluar daripada kemiskinan.

4. Walaupun jumlah KIR yang mendaftar dalam sistem eKasih meningkat sebanyak 30,685 KIR antara tempoh 31 Mei 2018 hingga 15 Jun 2019, terdapat pengurangan KIR miskin tegar berdaftar sebanyak 3,146 manakala KIR miskin seramai 2,341. Jumlah KIR yang terkeluar daripada sistem eKasih ialah seramai 36,172 pada tempoh yang sama.

5. Peningkatan jumlah KIR ini merupakan salah satu manifestasi terhadap usaha Kerajaan baharu dalam menangani isu kemiskinan negara sejak mengambil alih pentadbiran negara pada Mei 2019.

6. Kerajaan sentiasa komited untuk terus membasmi kemiskinan serta merapatkan jurang di antara etnik, kelas pendapatan dan wilayah. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, (KSP RMKe-11), memberi keutamaan khusus kepada dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) terutamanya golongan miskin di seluruh negara. Ini dilaksanakan melalui pemberian bantuan bagi membantu isi rumah B40 terutamanya isi rumah miskin serta melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi meningkatkan pendapatan dan kuasa beli mereka. Antara langkah jangka masa panjang yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (i) program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan serta penyediaan keperluan asas yang meliputi aspek perumahan, pendidikan dan kesihatan akan terus dilaksanakan. Akses kepada latihan kemahiran diperkukuh sebagai inisiatif utama dalam peningkatan mobiliti sosial.
- (ii) membangunkan kapasiti dan keupayaan dalam kalangan isi rumah B40 terutamanya golongan miskin melalui perluasan program pendidikan dan latihan. Bantuan pendidikan seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan Rancangan Makanan Tambahan kini diperluas bagi meringankan beban isi rumah miskin dan berpendapatan rendah. Ini meliputi

penyediaan kemudahan pembiayaan pendidikan dan latihan bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran serta peluang mereka memperoleh pekerjaan berpendapatan lebih tinggi seterusnya dalam jangka masa panjang meningkatkan mobiliti sosial isi rumah ini;

- (iii) memperluaskan penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, termasuk secara atas talian (*online*). Ini dilaksanakan melalui pelbagai strategi termasuklah dengan meningkatkan akses dan peluang kepada bantuan pembiayaan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawanan;
- (iv) meningkatkan produktiviti dan pendapatan para petani, pekebun kecil dan nelayan melalui aplikasi teknologi moden, amalan pertanian terbaik (*good agricultural practices*) dan aktiviti ekonomi tambahan; dan
- (v) memperluas akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar bagi memperkukuh keterhubungan lalu merencanakan aktiviti ekonomi dan meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan isi rumah B40 terutamanya golongan miskin dan berpendapatan rendah di luar bandar.

7. Usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi golongan B40 terutamanya golongan miskin sudah tentu akan memberi kesan yang positif kepada rakyat dan negara secara keseluruhannya. Melalui pendekatan pembangunan yang inklusif dan holistik berasaskan "*shared prosperity*", Kerajaan yakin insiden kemiskinan akan dapat terus dikurangkan dan pendapatan serta kualiti hidup rakyat dapat ditingkatkan. Ini akan memastikan hasil pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh rakyat dan negara akan mencapai Kemakmuran Bersama.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

SOALAN NO. 85

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan senarai lokaliti serta nilai peruntukan untuk projek naik taraf jalan bekas jalan balak di kawasan Baram dalam Fasa 4 seperti yang telah diluluskan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Menaiktaraf Bekas Jalan-Jalan Balak di Negeri Sarawak Fasa 4 (Bahagian Miri) telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan* Pertama (RMKe-11, RP1) Tahun 2016 dengan kos projek berjumlah RM70,616,497. Skop kerja bagi projek ini adalah menaiktaraf bekas jalan balak sepanjang 199.55 km. Status semasa bagi projek ini adalah masih di peringkat perancangan dan sedang dalam proses pelantikan perunding kejuruteraan awam dan juruukur tanah. Proses perlantikan perunding ini dijangka selesai pada bulan Disember 2019.

NO. SOALAN :85

Projek Jalan Balak Negeri Sarawak (Fasa 4) : Bahagian Miri

Bil.	Jajaran/Lokasi	Panjang Jalan (Km)	Kos Projek (RM)
1.	Long Semiang	16.43	11,852,200.00
2.	Long Jeeh/ Long Selaan, Ulu Baram	51.88	19,160,000.00
3.	Long Mubui, Ulu Baram	6.00	2,320,000.00
4.	Long Selatong, Ulu Baram	3.59	2,428,000.00
5.	Tanjung Terpalit	1.57	408,000.00
6.	Long Liam, Ulu Baram	8.0	3,059,000.00
7.	Long Latie, Apoh	1.42	320,000.00
8.	Long Jenalong, Apoh	0.40	120,000.00
9.	Long Kerangan, Tutoh	0.97	400,000.00
10.	Long Sayan, Tutoh	11.47	4,000,000.00
11.	Sungai Belasoi, Marudi	6.91	2,620,000.00
12.	Rh. Niaga Sg Nyiro, Tinjar	3.50	1,120,000.00
13.	Long Tisam, Tinjar	1.02	640,000.00
14.	Long Batan, Tinjar	9.45	3,600,000.00
15.	Long Aya, Tinjar	0.43	200,000.00
16.	Long Lellang A & B	1.58	412,200.00
17.	Kem 3/ Sg. Patah/ Long Lellang, Ulu Akah	22.0	4,226,415.09
18.	Long Atip, Apoh/ Long Terawan, Tutoh	20.06	4,299,590.91
19.	Jalan Linei Bukit/Long Panai	11.29	2,271,617.20
20.	Jalan SK Puyut to Rh. Belasoi	12.04	2,938,053.79
21.	Ba Abang	8.38	3,655,663.00
22.	Long Nuah	1.16	565,757.00
	Jumlah Keseluruhan	199.55	70,616,497.00

Nota : Penerima manfaat keseluruhan adalah berjumlah 18,878 orang

PROJEK JALAN BALAK NEGERI SARAWAK (FASA 4) : BAHAGIAN MIRI

Bil.	Jajaran/Lokasi	Parlimen	Dun	Panjang Jalan (Km)	Kos Projek (RM)	Penerima manfaat (Orang)
1.	Long Semiang	Baram	Mulu	16.43	11,852,200.00	350 (50 pintu)
2.	Long Jeeh/ Long Selaan, Ulu Baram	Baram	Mulu	51.88	19,160,000.00	560 (80 pintu)
3.	Long Mubui, Ulu Baram	Baram	Mulu	6.00	2,320,000.00	109 (34 pintu)
4.	Long Selatong, Ulu Baram	Baram	Telang Usan	3.59	2,428,000.00	365(27 pintu)
5.	Tanjung Terpalit	Baram	Telang Usan	1.57	408,000.00	150(23 pintu)
6.	Long Liam, Ulu Baram	Baram	Telang Usan	8.0	3,059,000.00	342(38 pintu)
7.	Long Latie, Apoh	Baram	Telang Usan	1.42	320,000.00	284(68 pintu)
8.	Long Jenalong, Apoh	Baram	Telang Usan	0.40	120,000.00	97(23 pintu)
9.	Long Kerangan, Tutoh	Baram	Telang Usan	0.97	400,000.00	104(29 pintu)
10.	Long Sayan, Tutoh	Baram	Telang Usan	11.47	4,000,000.00	256(46 pintu)
11.	Sungai Belasoi, Marudi	Baram	Mulu	6.91	2,620,000.00	285 orang
12.	Rh. Niaga Sg Nyiro, Tinjar	Baram	Marudi	3.50	1,120,000.00	354(58 pintu)
13.	Long Tisam, Tinjar	Baram	Marudi	1.02	640,000.00	1000(3 settlement)

NO. SOALAN :85

14.	Long Batan, Tinjar	Baram	Telang Usan	9.45	3,600,000.00	300 orang
15.	Long Aya, Tinjar	Baram	Telang Usan	0.43	200,000.00	107 orang
16.	Ba Abang	Lawas	Telang Usan	8.38	3,655,663.00	97(21 pintu)
17.	Long Nuah	Lawas	Telang Usan	1.16	565,757.00	447 orang
18.	Long Lellang A & B	Baram	Mulu	1.58	412,200.00	282 orang
19.	Kem 3/ Sg. Patah/ Long Lellang, Ulu Akah	Baram	Mulu	22.0	4,226,415.09	2697 orang
20.	Long Atip, Apoh/ Long Terawan, Tutoh	Baram	Mulu	20.06	4,299,590.91	1062 orang(118 pintu)
21.	Jalan Linei Bukit/Long Panai	Baram	Mulu	11.29	2,271,617.20	Menggantikan Kpg Pa Derong, Bario Kelabit Highland
22.	Jalan SK Puyut to Rh. Belasoi	Baram	Mulu	12.04	2,938,053.79	Menggantikan kampiung Pa-Ukat
	Jumlah Keseluruhan			199.55	70,616,497.00	